



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3114

Fax : 09-6229887

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (63)

16 April 1997.
08 Z'Kaedah 1417.

DATO 'PTG.

Semua Pentadbir Tanah,
Negeri Terengganu.

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 9/1997

**MELULUSKAN SEMULA PERMOHONAN YANG
TAMAT TEMPOH JADUAL 5A BAGI KELULUSAN
TANAH DI BAWAH DASAR TANAH HARAM**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini bertujuan menerangkan pemberian kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada Pentadbir Tanah untuk meluluskan semula permohonan yang tamat tempoh Jadual 5A bagi kelulusan tanah di bawah Dasar Tanah Haram sahaja.

2. **LATARBELAKANG:**

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam sidangnyanya kali yang Keenam Tahun 1997 pada 26 Februari 1997 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:-

- (i) Membatalkan keputusan mesyuarat mengenai perkara berkaitan Kali Ke 3 Tahun 1996 pada 24 Januari 1996.

- (ii) Bersetuju memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk meluluskan semula permohonan yang tamat tempoh Jadual 5A bagi kelulusan tanah di bawah Dasar Tanah Haram sahaja. Harga tanah hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah dengan syarat harga tanah dan lain-lain bayaran tidak kurang daripada harga asal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kelulusan semula ini dihadkan kepada 2 (dua) kali sahaja. Mana-mana permohonan selepas 2 (dua) kali hendaklah diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dengan disyorkan tanah-tanah tersebut dilelong.
 - (iii) Pemberian kuasa ini adalah meliputi kesemua tanah-tanah haram di dalam dan di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dengan dikecualikan di bawah Tr. P.U. 16 bertarikh 13 Mac 1986 Bahagian B - 1.2 (1) Fasa (iii) dengan syarat mendapat pandangan Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu.
- 2.2 Permohonan-permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang tamat tempoh Jadual 5A sebelum ini adalah diproses menurut ketetapan butiran (x) dan (xii) Warta Kerajaan Terengganu GN. 329/75 dan mematuhi perwakilan kuasa-kuasa di bawah Tr, P.U. 16 bertarikh 13 Mac 1986 Bahagian B - 1.2 (1) dan seterusnya bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan ditentukan semula bayaran dan syaratnya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3. KUASA DAN PEMEROSAN PERMOHONAN:

- 3.1 Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mematuhi dan mengambil tindakan memproses semula mana-mana permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang luput Jadual 5A selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Februari 1997 dengan mengambil kira kelulusan dan syarat-syarat asal.
- 3.2 Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah meminta pemohon-pemohon menjelaskan sejumlah bayaran **AMANAH** yang dianggarkan munasabah sebelum memproses semula permohonan.

4. PEMANSUHAN:

Dengan Arahan ini maka Arahan PTG Bil. 3/1996 dibatalkan.


5. **TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diguna pakai dan berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan mana-mana permohonan tanah di bawah Dasar Tanah Haram yang luput Jadual 5A yang belum dibuat keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah diproses menurut keputusan di para 2.1 di atas.

Sekian.

“ KUALITI TERAS KEJAYAAN ”

Saya yang menurut perintah,



(**DATO' RAKNA BIJAYA**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Terengganu.
Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan.
Timbalan/Penolong-Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.
Fail Timbul.